

6 pengawal keselamatan dijadikan buruh paksa diselamatkan

KUALA LUMPUR - Jabatan Imigresen Malaysia menyelamatkan enam pengawal keselamatan warga Nepal yang disyaki menjadi mangsa eksploitasi sebagai buruh paksa di Petaling Jaya pada Selasa lalu.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, kesemua individu itu diselamatkan dalam satu operasi di sebuah kediaman yang dijadikan asrama penginapan pekerja.

“Bertindak atas maklumat dan risikan, kita menemui enam lelaki berusia antara 30 hingga 40 tahun berada dalam premis yang daif, sempit dan tidak selesa,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Khairul Dzaimie berkata, hasil temu bual didapati mereka tidak diberi gaji kira-kira enam bulan dan kini tidak bekerja.

“Mereka mendakwa majikan enggan bertemu dan diabaikan tanpa sebarang bantuan bagi meneruskan kelangsungan hidup,” katanya.

Menurut Khairul Dzaimie, hasil pemeriksaan di pejabat majikan



Seramai enam pengawal keselamatan warga Nepal yang disyaki menjadi mangsa eksploitasi diselamatkan oleh Imigresen pada Selasa lalu.

terbabit, beberapa dokumen telah dirampas serta wakil syarikat dibawa ke Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, kesemua mangsa ditempatkan di rumah perlindungan dan negatif koronavirus (Covid-19).

Beliau berkata, majikan dan pemilik syarikat tersebut telah dipanggil untuk memberikan

keterangan.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 kerana kesalahan memperdagangkan orang bagi maksud eksploitasi.

“Jika disabitkan kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 15 tahun dan juga didenda tidak lebih RM150,000,” katanya.